



EKOSISTEM EKONOMI MALAYSIA PASCA-COVID-19

OLEH: ZAHERAWATI ZAKARIA

Kepelbagaian kumpulan bakat, ekosistem yang inovatif dan infrastruktur kelas pertama, mempercepat proses Malaysia sebagai pusat Digital ASEAN. Perniagaan permulaan atau *Startup* juga mempunyai kelebihan dalam Ekonomi Digital Islam dan Kandungan Digital Kreatif. Rantau ASEAN yang mempunyai populasi lebih daripada 650 juta orang, membolehkan Malaysia menawarkan perniagaan permulaan yang berupaya mengakses pasaran hampir tiga kali ganda saiz Amerika Syarikat (AS).

Pada tahun 2020, Malaysia Digital Economy Corporation memperkenalkan enam saluran yang berbeza untuk mengumpulkan dana. Perniagaan permulaan di Malaysia berjaya mengumpulkan USD126 juta pada bulan Ogos 2021.

Agensi utama Malaysia dalam transformasi digital, iaitu Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sedang meneraju usaha untuk menghubungkan pengasas Malaysia dengan pihak berkepentingan ekosistem daripada input dan platform kepada pelabur, mentor dan pelanggan korporat yang menawarkan sokongan dan bantuan pada peringkat permulaan, pertumbuhan, seterusnya untuk berdaya saing pada era teknologi digital.

MDEC bukan sahaja membantu menghubungkan syarikat dengan pelabur, tetapi program Founders Grindstone juga melatih usahawan dalam bidang kemahiran utama seperti teknikal serta mengumpulkan dana seperti menyediakan fasiliti dan platform terbaik untuk mendekati pelabur.

Pada tahun 2020, MDEC memperkenalkan enam saluran yang berbeza untuk mengumpulkan dana, yang syarikat

pemula di Malaysia berjaya mengumpulkan USD126 juta pada bulan Ogos 2021.

Selama lapan tahun, perkembangan perniagaan permulaan di Malaysia ditanda aras sebagai nombor satu di dunia oleh Penunjuk Ekonomi Islam Global dengan ekosistem Fintech Islam yang aktif dan banyak menyumbang kepada prestasi yang mengagumkan.

MDEC terus membina Ekosistem Ekonomi Digital Islam untuk meletakkan Malaysia sebagai Hab Kewangan Islam 2.0 melalui kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dan institusi kewangan sebagai pemudah cara.

Perniagaan permulaan di Malaysia bermula dengan baik pada tahun 2021 dari segi pengumpulan dana. Contoh terdekat kaedah pembiayaan terkenal pada tahun ini ialah platform jualan kereta terpakai. Syarikat Carsome yang mempunyai modal pusingan USD200 juta merupakan perniagaan permulaan pertama dalam sektor automobil di Malaysia.

Dengan hampir 40% penduduk Malaysia yang berumur di bawah 25 tahun, Kuala Lumpur mempunyai modal insan berdaya saing dan bakat muda berkemahiran. Lebih daripada 380 000 orang pelajar mendaftar di 250 buah institut pengajian tinggi.

Kumpulan bakat ini terdiri dari pelbagai kaum serta berbilang bahasa, dan kebanyakan rakyat Malaysia fasih berbahasa Inggeris. Hal ini mendorong pertumbuhan perniagaan permulaan dengan lebih cepat dan menarik minat pelabur asing.



Kamarul Muhamed.



Tony Fernandes.

Dalam ASEAN, Malaysia merupakan antara negara pertama yang melabur dalam ekonomi digital dengan penubuhan pelbagai agensi kerajaan, pelan tindakan industri dan program yang memacu pembangunan.

Kerajaan Malaysia memperkenalkan dana sebanyak USD481 juta untuk menggalakkan pelabur asing melabur dalam perniagaan permulaan serantau. Visa Malaysia Tech Entrepreneur Program (MTEP) MDEC menawarkan pas bagi tempoh setahun untuk usahawan baharu, dan pas bagi tempoh lima tahun untuk usahawan mapan.

MDEC juga menerima peruntukan geran sebanyak USD26.3 juta untuk merangsangkan pembangunan kandungan, produk dan pasaran bagi perniagaan permulaan berasaskan teknologi digital.

Perniagaan permulaan di Malaysia menunjukkan nisbah pelaburan dan pulangan tertinggi di rantau ini. Pengasas perniagaan permulaan perlu melakukan perubahan dan pendekatan baharu untuk meneroka platform utama yang digunakan, iaitu teknologi digital bagi menarik minat pelabur. Sebagai contohnya, perniagaan permulaan yang diasaskan oleh Kamarul Muhamed menjadi perintis teknologi dron secara meluas sebagai pemacu masa depan Malaysia.

Begitu banyak yang diperkatakan dan ditulis tentang potensi besar ekosistem teknologi digital Malaysia, yang akhir-akhir ini menjadi sensasi dan hangat diperkatakan oleh pelabur asing.

Perniagaan permulaan dilihat mempunyai peluang yang cerah untuk lebih berdaya saing dan merencanakan ekonomi Malaysia.

Dalam ASEAN, Malaysia merupakan antara negara pertama yang melabur dalam ekonomi digital dengan penubuhan pelbagai agensi kerajaan, pelan tindakan industri dan program yang memacu pembangunan.



Tambahan pula dengan masyarakat berbilang budaya, kemudahan penggunaan serta perkhidmatan ekonomi digital dan kelas pertengahan yang lebih berdaya saing, Malaysia dilihat berupaya menjadi destinasi utama bagi organisasi Asia dan syarikat multinasional atau *Multinational Company (MNC)* untuk mengembangkan perniagaan dan pelaburan mereka. Sebagai contohnya, Microsoft, Intel, NTT, Dell, dan Sony menubuhkan hab lini perniagaan (*line-of-business*) di Malaysia.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia bergerak perlahan dalam pelaburan teknologi. Dari tahun 2019 hingga tahun 2020, hanya USD362 juta (RM1.51 bilion) dilaburkan dalam perniagaan permulaan di Malaysia. Jumlah ini lebih kecil daripada USD5.63 bilion di Indonesia dan USD1.47 bilion di Singapura.


Negara Thai dan Vietnam dengan pelaburan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang lebih rendah pada masa lalu, melaburkan lebih banyak modal untuk meneroka teknologi digital dengan lebih pantas.

Negara Thai dan Vietnam dengan pelaburan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang lebih rendah pada masa lalu, melaburkan lebih banyak modal untuk meneroka teknologi digital dengan lebih pantas.

Senario yang agak membimbangkan ialah beberapa pelabur perniagaan permulaan melihat Malaysia sebagai pasaran pelaburan oportunistik, bukannya fokus utama untuk membuat pelaburan mereka. Hal ini berlaku baru-baru ini apabila Malaysia mendapati tuntutan untuk memiliki unikorn sendiri, iaitu perniagaan permulaan milik persendirian yang nilai pelaburannya melebihi USD1 bilion agak sukar difahami berbanding dengan Indonesia, Singapura dan Vietnam.

Tanda unikorn membawa keyakinan kepada ekosistem teknologi yang sedang berkembang dan kesan halo yang terhasil oleh pemacuan jarak yang lebih jauh yang menjadi jurang pembiayaan dan kewangan dalam pasaran ini.

Perniagaan permulaan Malaysia juga dilihat lebih selesa dan mempunyai kecenderungan untuk berdikari dalam pasaran Malaysia sahaja yang dicerminkan sebagai "pemalu" dan "kurang berani" dalam rancangan pengembangan kepada pelabur bukan Malaysia.



Pasaran Malaysia walaupun memiliki saiz yang baik, tidak dapat merealisasikan potensi era ekonomi digital sepenuhnya untuk menarik kuasa hab pelbagai perkhidmatan melabur di Malaysia.

Perniagaan permulaan di Malaysia menunjukkan nisbah pelaburan yang memberikan pulangan tertinggi di rantau ini, iaitu lebih dua kali ganda berbanding dengan Singapura dan hampir 10 kali ganda berbanding dengan Indonesia.

Hal ini mungkin disebabkan oleh kekangan dan kurang upaya untuk mengumpulkan dana asing dan berkembang ke serantau. Perniagaan permulaan di Malaysia nampaknya menemui cara untuk membangunkan perniagaan dengan model perniagaan yang baik dengan memfokuskan keuntungan.

Pengasas perniagaan permulaan Malaysia menunjukkan kepintaran mereka memanfaatkan perkongsian korporat dalam platform digital yang lebih moden dan melobi untuk mendapatkan

geran sokongan kerajaan dan faedah lain bagi mengembangkan perniagaan dan ekosistem mereka secara mampan. Nampaknya, pendekatan ini menghasilkan kesan positif semasa kecairan seperti tawaran awam awal atau *initial public offering* (IPO). Tambahan pula, perniagaan permulaan tempatan mempunyai akses kepada kumpulan yang mempunyai pelbagai bakat dan kemahiran. Hal ini juga merupakan usaha kerajaan dalam bidang ekosistem teknologi digital kepada entiti, antaranya termasuklah Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia, Cradle Fund, dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia.

Pandemik COVID-19 dilihat sebagai faktor pencetus perkembangan perniagaan permulaan yang lebih cepat, hasil selama bertahun-tahun oleh agensi-agensi ini. Hasilnya akan terlihat apabila perniagaan permulaan di Malaysia menunjukkan keberanian mereka dalam persekitaran yang lebih saksama berbanding dengan rakan serantau mereka.

Perniagaan permulaan di Malaysia memerlukan pasaran yang kuat dengan memfokuskan skala model yang melangkaui sempadan pasaran sedia ada. Banyak pelabur yang melihat perniagaan permulaan Malaysia yang berjaya membuktikan bahawa mereka boleh membina perniagaan dalam pasaran lain sebagai isyarat daya maju dan boleh melabur.

Terdapat beribu-ribu perniagaan permulaan Malaysia yang membina syarikat teknologi yang menguntungkan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching, dan bandar lain. Kini, terdapat kira-kira 3000 perniagaan permulaan di Malaysia. Walau bagaimanapun, bilangannya boleh menjadi lebih tinggi.

Kebanyakan syarikat ini berstruktur sebagai perusahaan kecil dan sederhana, iaitu industri kecil dan sederhana atau *small and medium-sized enterprises* (SMEs) yang menggunakan teknologi untuk menjangkau kemampuan mereka.

Perniagaan permulaan Malaysia juga harus mengubah peranan mereka dengan menyingkirkan personaliti mereka yang terlalu selesa dan menyampaikan perancangan mereka apabila bercakap dengan rakan kongsi dan pelabur serantau.

Dalam kebanyakan kes, apabila pengasas perniagaan permulaan beroleh kejayaan, mereka mencapai kejayaan cemerlang seperti Tony Fernandes dan Kamarul Muhamed. Mereka dianggap pengasas perniagaan permulaan yang berani, berkeyakinan dan menjadi diri sendiri apabila membuat keputusan untuk terlibat dalam perniagaan atau pelaburan.

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia memberikan kesan kepada perniagaan global, terutamanya pengangkutan, logistik, pendidikan, dan penjagaan kesihatan. Walaupun terdapat kesan ketara dalam perniagaan, tetapi secara global terdapat lonjakan idea baharu dan perniagaan permulaan yang cepat menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran global yang mengadaptasikan teknologi digital dalam tempoh yang sangat singkat.

Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Jepun melaporkan bahawa pendaftaran perniagaan permulaan mereka meningkat. Perniagaan permulaan AS meningkat sebanyak 95%, UK (30%) dan Jepun (14%) pada tahun 2020 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2019.

Bilangan perniagaan permulaan dalam industri teknologi meningkat sebanyak 20% berbanding dengan tahun 2019 yang kadar pertumbuhan memuncak pada suku terakhir tahun 2020.

Trend yang sama juga boleh dilihat di Malaysia. Perniagaan permulaan mula muncul merentasi pelbagai sektor, termasuklah makanan dan minuman, logistik, e-dagang, kesihatan mental, penjagaan kesihatan, dan *fintech* ekoran implisit dan eksplisit pandemik COVID-19.

Usahawan dan perniagaan permulaan perlu membina ekonomi yang berdaya tahan dalam kebiasaan baharu pada era pandemik ini. Hal ini penting kepada usahawan dan perniagaan permulaan Malaysia untuk berinovasi dan mempercepat perniagaan mereka dalam ruang teknologi dan bukan teknologi.

Faedah utama yang boleh diperoleh daripada perniagaan permulaan, terutamanya semasa perubahan pesat, antaranya termasuklah kelajuan, kebolehsuaian dan kebolehskalaan model perniagaan yang lebih baik daripada kaedah konvensional.

Organisasi perniagaan permulaan yang berdaya saing membolehkan mereka bergerak dengan cepat. Hal ini demikian kerana mereka boleh membuat keputusan yang lebih pantas dan mudah yang membolehkan proses dan pengeluaran yang pantas dalam pasaran yang berpaksikan teknologi digital. Keadaan ini memberikan perniagaan permulaan kelebihan tambahan untuk memastikan kelestarian perniagaan.

Dalam iklim semasa, yang pengangguran semakin meningkat, perniagaan permulaan juga menjadi faktor pencetus kepada penciptaan pekerjaan dan peningkatan kemahiran tenaga kerja. Hal ini amat penting bagi Malaysia yang

mempunyai agenda besar untuk melahirkan masyarakat digital yang memberikan impak besar kepada sosial dan ekonomi negara walaupun berdepan dengan pandemik COVID-19. Hal ini juga selaras dengan agenda kerajaan untuk bergerak ke hadapan dengan inisiatif MyDigital yang menekankan transformasi digital dan penggunaan ekonomi digital untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi.

Satu cara untuk memastikan kesinambungan perniagaan perniagaan permulaan adalah melalui pendekatan teknologi digital secara holistik dalam perniagaan dan pendedahan kepada peluang pembiayaan pada peringkat awal pelancaran.

Dalam iklim hari ini, pelabur lebih mengelak daripada risiko, kerajaan boleh dan membantu perniagaan permulaan serta perusahaan kecil dan sederhana membina keupayaan mereka melalui sokongan kewangan, geran dan akses kepada penasihat industri dan membantu mengubah idea perusahaan daripada berdaya maju kepada perusahaan mampan. Peranan mentor dan bimbingan juga perlu diberi perhatian untuk mencipta kejayaan sesebuah perniagaan permulaan.

Dengan mengambil kira peranan yang dimainkan oleh perniagaan permulaan dan usahawan dalam pertumbuhan teknologi dan ekonomi negara, minda keusahawanan perlu dipupuk pada semua peringkat, sama ada perniagaan permulaan berasal daripada kumpulan profesional yang berpengalaman ataupun graduan yang baru menamatkan pengajian di universiti.

Universiti perlu berperanan membawa budaya perniagaan permulaan ke kampus dan memberikan peluang keusahawanan kepada para pelajar. Universiti juga boleh membangunkan ekosistem yang para pelajar boleh mempelajari kemahiran praktikal, memperoleh pengetahuan perniagaan serta pendedahan untuk mencari sumber pembiayaan yang efektif dan cekap.

Pandemik COVID-19 mengganggu ekonomi global secara meluas. Namun begitu, hal ini secara tidak langsung membuka pintu kepada inovasi baharu dengan melahirkan usaha niaga, pelaburan dan peluang ekonomi baharu.

Kehidupan sehari-hari dan ekonomi berkembang pesat dan moden akibat pandemik ini dengan pendigitalan menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia.

Penggunaan e-dompot dan e-dagang menjadi sebahagian daripada kehidupan sehari-hari manusia. Perisian dan teknologi digunakan secara meluas dalam semua urusan perniagaan termasuklah perniagaan permulaan di pejabat atau bekerja dari rumah.

Komitmen kerajaan melalui Belanjawan 2022 berkaitan dengan inovasi teknologi digital akan membolehkan perniagaan permulaan Malaysia berkembang maju di bawah ekonomi pascapandemik yang mengutamakan digital baharu. Apabila kehidupan kita menjadi lebih digital, perniagaan permulaan akan memainkan peranan penting dalam membangunkan penyelesaian yang relevan dan efektif dalam

pasaran global. Hal ini akan membantu pasaran tempatan berdaya saing dalam pasaran yang lebih kompetitif.


Peruntukan Belanjawan 2022 ke dalam Hab Inovasi IR Technology Park Malaysia dan Strategi MYPerniagaan permulaan Cradle akan membantu mewujudkan inovasi penting yang dibangunkan oleh perniagaan permulaan tempatan yang mungkin terdiri daripada perisian pengguna dan teknologi dron kepada alat produktiviti perusahaan dan teknologi kecerdasan buatan yang dilihat memainkan peranan penting dalam transformasi digital Malaysia. Kita bukan sahaja akan melihat perniagaan baharu muncul, tetapi pemacu ekonomi sedia ada, seperti sektor pertanian yang berubah dengan penggunaan teknologi baharu secara keseluruhannya.

Korporat Malaysia perlu memainkan peranannya menyokong ekosistem perniagaan permulaan. Inisiatif kerajaan untuk memangkinkan pertumbuhan melalui geran, pelepasan cukai dan faedah lain dilihat boleh membantu perniagaan permulaan dalam jangka masa panjang. Namun begitu, para pemain industri ini perlu berani mewujudkan persekitaran bagi syarikat baharu untuk membangunkan kerjasama yang boleh membawa pelaburan atau peluang baharu.

Senario yang diperlihatkan oleh beberapa buah syarikat, antaranya termasuklah Sunway Group, Petronas, Axiata, dan AirAsia yang aktif dalam perniagaan permulaan merupakan satu permulaan yang baik. Namun begitu, diharapkan lebih banyak syarikat korporat akan mencontohinya.

Perniagaan permulaan Malaysia menjadi mungkin pada era teknologi digital yang menjanjikan ekosistem yang lebih kukuh dan berdaya saing dalam aktiviti ekonomi dan sosial yang serba pantas. Hal ini dilihat sebagai permulaan munculnya perniagaan permulaan Malaysia yang diyakini di ASEAN. Hal ini juga merupakan kemuncak pelaburan dan agenda kerajaan, usahawan, industri, dan pelabur sejak sekian lama.

Bagi memastikan ekosistem Malaysia mengekalkan momentum ini, agenda kerajaan perlu diperhalus untuk memastikan syarikat permulaan yang tinggi mempunyai perspektif dan fokus yang betul untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang bermakna. Dengan modal strategik, bimbingan dan strategi pasaran yang berkesan, perniagaan permulaan Malaysia mempunyai ruang dan peluang yang luas dalam ekosistem yang lebih mampan.

Melihat agenda kerajaan dan senario perniagaan permulaan di Malaysia pada era pandemik COVID-19 dan kegawatan ekonomi secara global, tidak mustahil Malaysia mempunyai peluang yang cerah untuk memacu Revolusi Industri 4.0 dalam pasaran global. Malaysia berupaya mencetuskan penerokaan dalam bidang perniagaan permulaan di negara ini dengan acuan sendiri. 

Profesor Madya Dr. Zaherawati Zakaria ialah pensyarah di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA (Cawangan Kedah).